

PM puas hati dengan mutu perkhidmatan pegawai2 tadbir dan diplomatik

KUALA LUMPUR 11 Nov. — Perdana Menteri berpuas hati dan bangga dengan mutu pentadbiran para pegawai tadbir dan diplomatik (PTD) dan mahukan prestasi baik itu diteruskan untuk pembangunan negara.

Bagaimanapun, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan para pegawai berkenaan supaya menerima kritikan dan teguran orang ramai kerana teguran itu merupakan satu penilaian.

'Orang ramai akan menilai jika mereka tidak berpuas hati. Walaupun kadang kala teguran itu tidak berasas.

ia telah memberi perhatian kerana ia membina dan kita akan mendapat manfaat darinya," kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap di majlis makan malam Persatuan Pegawai - Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini malam kelmarin.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga berbangga kerana semakin ramai ahli-ahli PTD yang berkelulusan tinggi, tetapi menyeru mereka menggunakan segala ilmu pengetahuan untuk meningkatkan mutu pentadbiran.

'Ijazah yang tinggi sahaja tidak cukup, kita perlu mengamalkan segala pengetahuan yang ada," tegasnya.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri mengingatkan para ahli PTD mengutamakan kepentingan negara dari kepentingan individu demi memperlihatkan kekesan perkhidmatan mereka.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Datin Paduka Datuk Sri Dr. Siti Hasmah Ali, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Khalil Yaukub, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Sa-baruddin Chik, Presiden Persatuan PTD

Datuk Abdullah Sanusi dan pegawai - pegawai kanan kerajaan.

Di majlis tersebut, Datuk Abdullah telah menyerahkan cek bernilai \$5,000 sumbangan persatuannya kepada isteri Perdana Menteri selaku yang dipertua Badan Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI).